

Cari punca asas kes buang bayi makin menjadi-jadi

Berita Harian 01 SEP 2010 14.15.19

Oleh Datuk Prof Dr Hashim Yaacob

SEMALAM genaplah 53 tahun Malaysia merdeka daripada penjajahan British. Kita pun merayakan kejayaan dengan pesta dan majlis kesyukuran. Tetapi kita belum merdeka daripada menyaksikan kekejaman sesetengah daripada kita lakukan terhadap insan yang sepatutnya paling dikasihi iaitu bayi kita. Saban hari kita mendengar berita ada bayi dibuangkan di merata tempat termasuk ke dalam longkang, tong sampah, tandas dan tidak kurang di perkarangan rumah ibadat. Apakah sebabnya perkara ini berleluasa sehingga kerajaan terpaksa bertindak mengukuhkan pembuangan bayi dengan hukuman mati? Penulis ada beberapa sebab mengenai puncanya.

Pertama, lelaki tidak mempunyai rasa hormat terhadap pasangannya. Lelaki seperti ini hanya berfikir untuk memuaskan hawa nafsunya lalu memperdayakan pasangannya dengan berbagai janji termasuk mengahwini, untuk melakukan perbuatan maksiat sehingga hamil. Maka si perempuan terpaksa menanggung kandungan dan bakal bayi yang akan dilahirkan serta masa depan dirinya sendiri. Si perempuan pula lazimnya seorang yang masih muda dan tiada pekerjaan. Hendak mengadu

kepada ibu bapa dan keluarga amatlah sukar sekali kerana takut dan malu. Satu daripada pilihan yang ada pada si perempuan ialah membuang bayinya, walaupun berat baginya untuk melakukan demikian.

Kedua ialah kerana kurangnya didikan agama dan akhlak. Jika ibu bapa memberi didikan agama secukupnya kepada anak mereka serta membimbingnya menjadi orang yang tinggi akhlak, kemungkinan besar kehamilan luar nikah kurang berlaku.

Tetapi kita juga tidak lupa kepada kejadian rogol dan mangsa kemudian hamil. Dalam keadaan begini tentu mangsa tidak boleh dipersalahkan. Sama ada dia akan memelihara bayinya atau membuangnya terpulanglah kepada situasi yang dihadapinya pada waktu genting itu. Ada yang mengambil tindakan menggugurkan kandungan atau melahirkan bayinya jika mendapat restu dan dokongan ibu bapa.


Ketiga ialah masyarakat kita memandang rendah dan hina kepada anak luar nikah. Sikap sebegini amat mendorong untuk ibu membuang bayinya.

Penulis hanya berharap jikalau terjadi kelahiran luar nikah, kita sebagai ahli masyarakat tidak perlu berlaku kejam terhadap mereka.

Kita sebagai manusia yang dipelihara Allah daripada melakukan maksiat hendaklah membantu mereka sebaik-baiknya.

Penulis berkesempatan menjalankan sedikit kaji selidik mengenai kehamilan remaja berusia antara 17 hingga 21 tahun sebelum berkahwin. Kebanyakan mereka tidak banyak mengerti mengenai selok-belok seks. Penulis sangat bersejua supaya kita mengajar pendidikan seks di sekolah, dengan niat yang murni melalui guru terlatih.

Patutkah kita menghukum orang yang membuang bayi dengan hukuman mati? Sekiranya pembuangan bayi itu disamakan dengan pembunuhan maka hukuman kerana membunuh sepatutnya dikenakan. Dalam hal ini hukuman mati tidaklah dikenakan terhadap pembunuh itu. Begitulah hendaknya dilakukan terhadap orang yang membuang bayi: "Fakta-fakta yang menyebabkan bayi itu dibuang hendaklah diambil kira dan dipertimbangkan dengan saksama. Bukan semua ibu yang membuang bayi mahu membunuh bayinya! A.T.H Smith, pengkritik undang-undang England pernah menyatakan 'kasihan belas dalam menghukum hendaklah mengambil kira keadaan yang menyebabkan sesuatu jenayah itu dilakukan.'"



GEJALA buang bayi perlu ditangani segera bagi mengelakkan ia menjadi amalan dalam masyarakat.